



VLMS

VIDEO LEARNING MANAGEMENT SYSTEM

Sebagai usaha untuk menyalurkan ilmu pengurusan perkoperasian terutamanya Kursus Wajib kepada semua Ahli Lembaga Koperasi (ALK), MKM mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan Kursus Wajib melalui kaedah e-pembelajaran iaitu kaedah yang menggunakan kemudahan Internet yang tersedia tanpa mengira masa dan tempat. Sistem VLMS dibangunkan bagi membolehkan ALK dan sesiapa sahaja yang ingin mendalami ilmu pengurusan koperasi mempelajarinya secara dalam talian mengikut masa dan kesesuaian individu. Pembangunan VLMS juga merupakan alternatif pilihan pembelajaran selain secara tradisional (face to face). Kaedah e-pembelajaran ini berupaya menyokong pertumbuhan permintaan pembelajaran di dalam kelas bagi ALK yang wajib menghadiri kursus wajib koperasi di MKM dalam tempoh lantikan mereka. Penggunaan sistem e-pembelajaran ini mampu menarik minat terutama generasi Y untuk mendalami kursus wajib koperasi.

KURSUS WAJIB KOPERASI SECARA ONLINE

KURSUS DITAWARKAN

- WAJIB 1**
Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi
- WAJIB 2**
Pengurusan Kewangan Koperasi
- WAJIB 3**
Pengurusan Strategik Koperasi
- WAJIB JAD**
Tatacara pengauditan dan Perakaunan Koperasi

Yuran RM50
bagi setiap kursus

SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi
- Individu Yang Berminat

MUDAH & JIMAT

- Menjimatkan masa dan kos.



MODEN

- Menggunakan pelbagai teknologi komunikasi moden.
- Mudah digunakan dan mesra pengguna.



PENINGKATAN KUALITI

- Penumpuan yang tinggi dapat meningkatkan pengetahuan.
- Interaksi secara dalam talian dapat membantu meningkatkan pemahaman.



TANPA SEMPADAN

- Boleh diakses dimana-mana sahaja dari mana-mana komputer selagi ada perkhidmatan Internet.



Kemasukan Peserta Baharu Dibuka Sekarang! Sila Layari <http://vlms.mkm.edu.my>.

ALAMAT PERHUBUNGAN

Urus Setia VLMS,
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)
Maktab Koperasi Malaysia
103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-79649000 / 03-79649055/051/170/057
Emel: admin_vlms@mkm.edu.my

Latihan Kreatif, Koperasi Progresif

Maktab Koperasi Malaysia
Maktab Koperasi Malaysia Official Group

Maktab_Koperasi

maktab_koperasi_malaysia

www.mkm.edu.my

DIMENSIKOOOP

www.mkm.edu.my

ISSN 1823-1586 • 1/2018 • RM 2.50

DIMENSIKOOOP
ISSN 1823-1586 • 2/2018 • RM 2.50



MS ISO 9001:2015 REG. No. QMS 01443



ISSN 1823-0008

9 771823 000003

ISSN 1823-1586
RM 2.50
Keluaran 2/2018
www.mkm.edu.my

MODEL BAHARU Perniagaan Koperasi Ke Arah Ekonomi Digital

SIDANG REDAKSI DIMENSI KOOP BIL.57

PENAUNG

YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik

PENASIHAT

Tn. Hj. Ramlan Kamsin

KETUA EDITOR

Hjh. Rahimah Abd. Samad

TIMBALAN KETUA EDITOR

Nor Arma Abu Talib

SIDANG EDITOR

Asha'ari Arshad
Norhayati Abd. Rahman
Azmaliza Arifin
Nor Azlina Kassim
Nor Alyani Abd Razak
Salwana Ali
Haslinda Sujak
Ju Samsuddin Safian
Rafedah Juhan
Nazirah Baharudin

PEGAWAI PENERBITAN

Zaharatul Laili Zakaria

Dari Meja Ketua Editor

Pengurusan pentadbiran dan pemiagaan koperasi masa kini harus selari dengan perkembangan teknologi semasa apatah lagi yang menyentuh aktiviti harian manusia di segala peringkat kehidupan. Ini adalah kerana teknologi, informasi dan data sangat diperlukan untuk tujuan perkembangan manusia sejagat. Ekonomi digital amat berkait rapat dengan revolusi Industri 4.0 yang menekankan kepada aspek automasi dan Internet of Things (IoT) termasuklah penekanan kepada kesepaduan data, peranti dan gajet pintar.

Selain daripada peluang dan potensi pemiagaan, Dimensi KOOP bil. 57 kali ini menyentuh mengenai pelaksanaan penggunaan teknologi dalam pentadbiran dan pengurusan pemiagaan koperasi. Artikel **Model Baharu Pemiagaan Koperasi ke Arah Ekonomi Digital** memberi gambaran bagaimana koperasi perlu menggunakan teknologi masa kini untuk terus bersaing dalam dunia pemiagaan. Adakah **Konsep BYOD (Bring Your Own Device) dalam Persekitaran Kerja** mampu diamalkan oleh pemimpin dan kakitangan koperasi sebagaimana dilaksanakan oleh peniaga lain? Ini harus diambil perhatian oleh pengurusan koperasi bagi memudahkan dan menjimatkan kos operasi.

Dengan perkembangan ekonomi semasa, peluang pemiagaan sentiasa terbuka. Koperasi harus cepat dan pantas dalam merebut peluang yang wujud terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan pelancongan. **Pemiagaan Pengendalian Pelancongan dan Agensi Pengembaraan: Potensi kepada Koperasi** memaparkan antara jenis-jenis pelancongan yang boleh diceburi oleh koperasi serta kejayaan yang telah diraih oleh beberapa koperasi.

Koperasi juga boleh melibatkan diri dalam **Perniagaan Trak Makanan (Food Truck)** kerana melalui pemiagaan ini koperasi mampu untuk menjana pendapatan lima angka sebulan.

Sebagai sebuah badan yang menjalankan pemiagaan, koperasi juga perlu berhati-hati dalam melaksanakan urus niaga mereka terutama dalam membuat pelaburan. Rencana **Peluang Koperasi dalam Pelaburan IPO (Initial Public Offering)** menerangkan apakah IPO itu dan apakah yang perlu difahami oleh koperasi sebelum melibatkan diri dalam pelaburan ini. Kepada anggota pula, mereka perlu peka dalam memilih pakej umrah dan agensi yang mengendalikannya. **Pemilihan Pakej Umrah oleh Anggota Koperasi** memberikan tip dan panduan dalam pemilihan ini.

Oleh itu, koperasi hendaklah sentiasa menyediakan kaedah dalam mengawal perjalanan koperasi dan kesejahteraan anggota melalui kaedah kawalan yang bersesuaian. Dalam menjaga aset, artikel **Inventori: Peranan Juruaudit Dalaman Koperasi** diharap dapat membantu. Manakala, **Aplikasi Coaching dalam Koperasi** pula dapat memberi gambaran bagaimana kaedah ini dapat mempercepatkan urusan harian koperasi dengan lebih berkesan.

Semoga paparan artikel Dimensi KOOP kali ini dapat memberi manfaat dan panduan kepada ALK, Pengurusan Koperasi dan anggota dalam mengurus dan mentadbir koperasi dengan lebih berkesan.

Salam hormat dan selamat membaca

Hajah Rahimah Abdul Samad